

19/11/1997

Hak rakyat bersuara (HL)

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan tidak boleh menghalang rakyat Malaysia daripada menyuarakan perasaan dan sokongan mereka apabila negara serta pemimpin mereka dikritik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, rakyat negara ini mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat, sokongan dan meluahkan perasaan apabila mereka kecewa dan marah dengan tindak-tanduk Amerika Syarikat kebelakangan ini, termasuk sikap sekumpulan anggota Kongres negara itu.

"Susah sikit hendak menghalang perasaan rakyat. Kita boleh halang tetapi kita tidak boleh suruh rakyat supaya jangan meluahkan perasaannya sedangkan mereka ada perasaan itu.

"Kita tidak boleh menyuruh mereka berhenti begitu saja. Itu tidak mungkin. Ini perkara yang orang ramai rasai. Walaupun kita boleh hentikan, kita tidak boleh menghalang mereka daripada menyuarakan perasaan apabila marah terhadap sesuatu perkara," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Satu Kampung Satu Produk dan Promosi Pelancongan Daerah Oita 1997 di sini, hari ini.

Duta Amerika di sini, John Malott, semalam berkata Washington dan Kuala Lumpur harus menghentikan perbalahan untuk menjaga hubungan dua hala.

Sejak minggu lalu, pelbagai lapisan rakyat menyuarakan kemarahan terhadap tindakan 34 anggota Kongres Amerika, diketuai anggota Demokrat Florida, Robert Wexler, menghantar surat meminta Dr Mahathir meminta maaf atau meletakkan jawatan berhubung kenyataannya mengenai Yahudi.

Kemarahan rakyat turut dikaitkan dengan kenyataan Amerika yang mahu menyiasat Petronas kerana menyertai konsortium bersama Total SA (Perancis) dan Gazprom (Russia) yang mengikat kontrak AS\$2 bilion dalam projek usaha sama membangunkan lapangan gas di South Pars di perairan Iran.

Amerika mahu menyiasat sama ada tindakan Petronas itu bertentangan dengan Akta Sekatan Iran-Libya (ILSA).

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya meminta rakyat menghentikan sebarang perhimpunan kerana mereka mempunyai hak untuk bersuara dan meluahkan perasaan.

"Kita tidak boleh menyuruh mereka berhenti daripada berkata sesuatu selepas diberitahu rakyat bebas meluahkan pendapat mereka. Contohnya, apabila saya ke Pulau Pinang (semalam), kita beritahu hanya boleh diadakan satu perhimpunan iaitu di lapangan terbang (Bayan Lepas) tetapi mereka kata tidak boleh dan mahu berhimpun dan bertemu Perdana Menteri serta memberitahu mengenai sokongan mereka," katanya.

Ditanya mengenai kenyataan duta itu segelintir anggota Kongres Amerika tidak berpuas hati dengan penjelasan Dr Mahathir mengenai kenyataan kononnya beliau anti-Yahudi, Perdana Menteri berkata: "Ya, sebagaimana mereka enggan, rakyat kita juga enggan menerima arahan kerajaan untuk berhenti menyuarakan perasaan mereka.

"Jadi, bukan mudah untuk menghalang rakyat. Mereka (anggota Kongres) mempunyai hak untuk berkata sesuatu dan rakyat kita juga mempunyai hak untuk berkata sesuatu," katanya.

Mengenai nada kenyataan Malott itu memberi gambaran Malaysia yang akan rugi jika ia memutuskan hubungan dengan Amerika, Dr Mahathir berkata kedua-dua negara akan rugi.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan, Malaysia tidak akan memutuskan hubungannya dengan Amerika berikutan perkembangan terbaru di Washington.

"Kita tidak mahu memutuskan hubungan dengan Amerika Syarikat dan perkara

ini bukan kehendak kita. Kita sudahpun menjelaskan yang kita tidak berkata mengenai perkara itu (sebagai anti-Yahudi) tetapi mereka tetap mahu berbuat demikian (membentangkan resolusi itu) dan rakyat berasa sangat sedih, sangat marah mengenai perkara itu. Kita tidak boleh buat atau hentikan sesuatu perkara," katanya.

Ditanya bagaimana beliau melihat hubungan Malaysia-Amerika, Dr Mahathir berkata bagi kedua-dua kerajaan, ianya baik. Cuma (tindakan) anggota Kongres ini," katanya.

Mengenai kenyataan Malott orang Amerika dipersalahkan terhadap semua perkara yang tidak betul berlaku di Malaysia, Perdana Menteri berkata perkara itu tidak benar.

"Kita tidak menyalahkan orang Amerika," katanya sambil menambah, media asing mencemarkan imej negara ini apabila mereka melaporkan mengenai jerebu yang melanda Malaysia dan negara lain di Asia Tenggara baru-baru ini.

Menurutnya, media asing melaporkan keadaan jerebu yang serius tetapi apabila ia pulih, mereka tidak membuat sebarang laporan.

"Malah, dalam satu hari, laporan mengenai jerebu di Malaysia diulang 15 kali. Dan hasilnya, hotel terpaksa berdepan dengan banyak pembatalan sehingga tahun depan. Jadi, jika mereka mahu melaporkan sesuatu yang buruk mengenai Malaysia, sekurang-kurangnya laporkan juga keadaan itu bertambah baik," katanya.

Mengenai keputusan Dewan Tertinggi Barisan Nasional hari ini yang mengulangi sokongan mereka terhadap beliau, Dr Mahathir berkata: "Sekali lagi, itu adalah perasaan yang mereka ada. Saya fikir mereka perlu menyuarakannya."

(END)